



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA HARI ULANG TAHUN KE-4 PERTUBUHAN GABUNGAN PENGANUT DAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA CINA MALAYSIA

JOHOR BAHRU, 8 November 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Makan Malam Sempena Hari Ulang Tahun Ke-4 Pertubuhan Gabungan Penganut dan Pengurusan Rumah Berhala Cina Malaysia di sini, hari ini. Pertubuhan ini telah memainkan **peranan penting dalam mempromosikan keharmonian dan persefahaman** antara penganut dan rumah-rumah ibadat di Malaysia. Mereka bertindak sebagai perantara dan perunding di antara persatuan dengan kerajaan berhubung perkara-perkara berkaitan rumah berhala dan persatuan penganut bagi agama Buddha, Tao, Confusion dan Rujiao.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberikan tumpuan dalam meningkatkan **semangat perpaduan, kenegaraan, jati diri, kasih sayang, kesukarelawan dan muhibah dalam kalangan rakyat Malaysia** menerusi pelbagai pendekatan termasuk memperkenalkan Inisiatif Harmoni MADANI dengan mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima**.

Melalui inisiatif HARMONI MADANI, KPN telah melaksanakan program Jejak Harmoni di sembilan (9) buah lokasi di seluruh negara, dialog HARMONI di Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Sabah dengan kerjasama Jawatankuasa HARMONI dan Pertubuhan Agama. Selain itu, KPN turut melaksanakan Podcast : Bicara HARMONI yang mengetengahkan konsep perkongsian nilai-nilai murni masyarakat di Malaysia termasuk enam (6) siri dokumentari HARMONI.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, dalam ucapannya berkata, Persatuan atau Pertubuhan Penganut Agama mempunyai **peranan besar dalam menjayakan agenda keharmonian nasional**. Antara usaha yang boleh dilakukan oleh persatuan penganut bagi memastikan keharmonian adalah melalui **dialog antara agama** bagi **berkongsi pandangan, persamaan serta menangani perbezaan dengan cara yang harmoni dan saling menghormati**.

Selain itu, persatuan penganut agama boleh **mempromosikan mesej keamanan, kasih sayang dan toleransi dalam kalangan generasi muda melalui kempen di media sosial**. Dari aspek pendidikan dan kesedaran pula, persatuan penganut agama digalakkan untuk menganjurkan **ceramah, bengkel atau seminar yang memberi fokus kepada nilai-nilai murni, kesedaran agama dan kepentingan hidup dalam keadaan harmoni**. Pendekatan-pendekatan ini menawarkan cara yang lebih kreatif dan praktikal dalam memastikan usaha keharmonian kekal relevan dan berkesan.

Kementerian Perpaduan Negara

8 November 2024